

SERAH TERIMA TUGAS PEGAWAI MEMERINTAH NO 18 SKN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5397-serah-terima-tugas-pegawai-memerintah-no-18-skn

BUTTERWORTH, 4 Sep 19 - Lt Kol Abdul Rahim bin Jusoh TUDM yang akan mengikuti Kursus Sarjana Sains Sosial (Pengajian Pertahanan) di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera telah menyerahkan tugas sebagai Pegawai Memerintah No 18 Skuadron kepada penggantinya iaitu Mej Goh Keng Leong TUDM hari ini.

Perbarisan serah terima tugas yang terdiri daripada 5 orang pegawai dan 109 anggota lain-lain pangkat disaksikan oleh Komander Pangkalan Udara Butterworth, Brig Jen Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM.



